

BORIA MUHARAM: ANTARA KREATIVITI DAN REALITI MASYARAKAT MELAYU PULAU PINANG ABAD KE-19 DAN KE-20

Mahani Musa
Universiti Sains Malaysia

Antara dekad pertama abad ke-19 sehingga pendudukan Jepun merupakan satu tempoh yang penting dalam sejarah perkembangan boria. Namun aspek menarik ini jarang sekali disentuh dalam kajian-kajian tentang boria.¹ Persembahan boria dalam tempoh ini dikenali sebagai boria Muharam kerana dimainkan bersempena sambutan Muharam. Bermula sebagai satu bentuk upacara keagamaan, boria Muharam lama-kelamaan bertukar corak menjadi satu kegiatan budaya dengan mempamerkan kreativiti seni yang tinggi dalam segenap aspek persembahan. Namun, yang lebih penting dan jarang pula ditinjau ialah boria Muharam juga mewakili sikap serta pemikiran orang Melayu Pulau Pinang terhadap sahsiah sosioekonomi dan politik mereka sebelum merdeka.

ASAL USUL BORIA MUHARAM

Persembahan boria merupakan amalan yang dibawa masuk dari India, mengalami perubahan dan akhirnya diterima oleh masyarakat Melayu setempat sebagai sebahagian daripada amalan agama dan budaya mereka. Amalan ini pula asalnya berakar umbi daripada satu bentuk perkabungan yang dinamakan *takziyah* yang diadakan oleh golongan Syiah di Iran (Parsi) antara 1 hingga 10 Muharam bagi memperingati peristiwa Sayidina Husin mati syahid di tangan Yazid bin Muawiyah dalam peperangan di Karbala pada 10 Muharam tahun 61 A. H. Pada hari ke-10 atau dikenali sebagai hari Asyura, puak Syiah ini akan berarak membawa *tabut*, iaitu lambang yang digunakan untuk memperingati peristiwa tersebut. Amalan ini dipercayai bermula di pusat-pusat Syiah di Iran terutamanya setelah mazhab Syiah menjadi agama negara Iran selepas 1500 Masihi.²

Sejak abad ke-16 hingga ke-18, terdapat hubungan kebudayaan yang kuat antara Iran dan India melalui wangsa-wangsa Syiah di utara dan selatan India. Ini terbukti melalui perkembangan bahasa Urdu yang digunakan dalam majlis meratib orang Syiah termasuk lagu (*mahatam*) yang dinyanyikan dalam *takziyah* dan *tabut* di India. Bahasa Urdu merupakan *lingua franca* orang Islam di India sejak abad ke-18 dan ia berkembang hasil percampuran bahasa Parsi dan bahasa

Hindi dialek utara. Disebabkan perhubungan yang lama ini jugalah maka terdapat persamaan antara *tabut* dengan *takziyah* di India dengan di Iran.³ Di India, selain daripada tabut, terdapat lambang-lambang atau benda-benda lain yang diarak pada hari ke-10 bulan Muharam. Antaranya, ialah apa yang mereka anggap sebagai *buraq* iaitu kenaikan Nabi Muhammad semasa melakukan Israq dan Mikraj dan *dadmahall* atau singgahsana raja. Lambang-lambang ini diarak sambil melaung-laungkan nama Hasan, Husin dan Ali.⁴ Perarakan *takziyah* dan *tabut* juga turut disertai oleh orang yang beragama Hindu sebagaimana juga orang yang beragama Islam turut menyertai perayaan Durga Puja dan perayaan Hindu yang lain. Suasana ini wujud hasil perhubungan erat antara orang Hindu dengan orang Islam daripada kelas bawahan.⁵ Walau bagaimanapun, sekiranya perayaan Muharam itu bertembung dengan perayaan Hindu seperti Rumanavami, Charakhpuja atau Duserrah, rusuhan yang dahsyat pasti tercetus terutamanya apabila bertembung di hadapan masjid atau kuil Hindu.⁶

Di Indonesia pula meskipun fahaman Syiah kini sudah tidak dibenarkan bergerak oleh kerajaan kerana dianggap boleh mengganggu keamanan tetapi masih ada masyarakat tempatan terutamanya di Benkulen dan Pariaman yang masih berpegang kepada fahaman tersebut. Mereka mendakwa sebagai keturunan sepahi-sepahi India yang pernah dihantar oleh Inggeris ke Negeri-negeri Selat. Di Tanah Melayu, khususnya di Pulau Pinang, pengaruh Syiah ini diperkenalkan oleh Rejimen ke-21 Bengal dari Madras yang dihantar berkhidmat ke negeri itu pada 1845.⁷ Pada tahap awal ini, *takziyah* merupakan suatu persembahan mudah yang biasanya mengandungi sekumpulan lima orang yang membalut badan masing-masing dengan tikar dan menyanyi lagu-lagu ratapan bagi memperingati kejadian pembunuhan Sayidina Husin di Karbala.⁸ Pihak Inggeris telah memberikan cuti selama sepuluh hari dalam bulan Muharam bagi membolehkan sepahi-sepahi ini berkabung. Amalan ini turut diamalkan oleh Inggeris di India dan di negeri-negeri jajahannya yang lain sejajar dengan hasrat mereka untuk mengamalkan sikap toleransi dalam amalan berbudaya dan beragama di negeri-negeri yang dijajah. Persembahan boria yang dimainkan oleh Rejimen ke-21 Bengal pada tahap awal berlangsung dalam keadaan aman di kawasan penempatan askar, banduan dan orang India di bandar seperti di sekitar Penjara Pulau Pinang dan Hutton Lane (Lorong Hatin).⁹

Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat perkataan boria sebenarnya berasal daripada perkataan “bori”. Bori adalah nama satu suku kaum Gujerat di India yang berfahaman Syiah. Ketika Inggeris menduduki Pulau Pinang pada 1786, suku kaum bori telah berhijrah ke sana dan menetap di satu mukim yang dinamakan Asrakan yang terletak di tengah-tengah bandar Georgetown, iaitu sekarang dikenali sebagai Jalan Masjid, bertentangan dengan simpang Rope

Walk (Jalan Pintal Tali) dan Chulia Street (Lorong Chulia).¹⁰ Dari sinilah perkataan boria mula digunakan, iaitu merujuk kepada perarakan membawa sebuah dulang perak berisi lambang tangan bersalut lilin yang dihiasi kalungan bunga oleh puak bori sambil menyanyikan lagu-lagu ratapan bagi memperingati kematian Sayidina Husin. Pada 1842, di tempat yang bernama Asrakan ini, pengikut Syiah membina sebuah lambang berbentuk masjid yang dinamakan Asrakanah. Dulang yang diarak tadi kemudiannya diletakkan di tengah-tengah Asrakanah dan puak bori akan mengakhiri persembahan mereka dengan bermain muzik dan menari. Masyarakat Melayu yang tinggal di mukim Pokok Nona Lama (sebahagian daripada Chulia Street) menggelarkan perlakuan orang-orang yang meratap tadi sebagai “bora” yang bermaksud “gila”.¹¹

DARIPADA TAKZIYAH KEPADA BORIA

Amalan yang pada asalnya berbentuk perkabungan mula mengalami perubahan pada pertengahan abad ke-19 akibat beberapa tekanan. Pertama, kedudukan Negeri-Negeri Selat termasuk Pulau Pinang sebagai tempat pembuangan orang salah dari India bagi koloni Inggeris turut mengundang masalah. Negeri-Negeri Selat mengambil alih tugas tersebut sejak 1825 berikutan penyerahan Benkulen di Sumatera kepada Belanda berikutan Perjanjian Inggeris-Belanda pada 1824. Benkulen merupakan tempat pembuangan orang salah dari India yang paling awal dibuka oleh Inggeris di sebelah rantau Asia Tenggara. Kebanyakan banduan ini menjalani hukuman penjara seumur hidup kerana kesalahan jenayah berat.

Menurut W. Blythe, pertumbuhan pesat masyarakat banduan terutamanya selepas kerajaan Negeri-negeri Selat membuat keputusan untuk memberi keampunan kepada sebahagian besar banduan berikutan perpindahan pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat dari India ke Pejabat Tanah Jajahan di London pada 1867 dan juga kemunculan masyarakat Jawi Peranakan yang terhasil daripada perkahwinan campur wanita Melayu tempatan dengan orang India yang beragama Islam atau yang kemudiannya memeluk Islam, merupakan faktor yang merosakkan keharmonian dalam sambutan Muharam. Ia juga membawa kepada pembentukan kongsi gelap ala-India.¹² Malah sejak 1846 lagi sudah dikesan kehadiran ketua-ketua kongsi gelap India di penjara Pulau Pinang.¹³ Tindakan kerajaan Negeri-negeri Selat membenarkan sephi-sephi dan banduan India menyambut Muharam bersama-sama menyebabkan pengaruh-pengaruh buruk mula meresap masuk ke dalam upacara keagamaan tersebut. Boria kini bertukar menjadi semacam satu bentuk pesta ria dipenuhi dengan tarian, nyanyian dan kelakuan nakal dan ganas. Lagu-lagu rintihan terhadap peristiwa di Karbala mula ditinggalkan. Pemain-pemainnya semakin meningkat antara 20 hingga 30 orang dalam satu kumpulan dengan diiringi oleh sekumpulan

pemuda yang bermain alat muzik. Perubahan dalam corak persembahan boria ini dapat dikesan dalam catatan pengalaman J. D. Vaughan yang pernah bertugas sebagai Superintenden Polis di Pulau Pinang dari 1851 hingga 1856. Berkenaan sambutan Muharam pada 1850-an, Vaughan mencatat:

In the Mohorum [sic] feast several of these men go about with their bodies painted like tigers, a tail stuck on behind, and a chain round the waist which is held by others who are supposed to be their keepers. They are generally muscular, clean made fellows and imitate the movements of a wild beast admirably. They carry the resemblance so far and work themselves up to such a pitch of excitement, that if a live kid is thrown to them they will seize it, tear the poor creature to pieces and suck the blood. There are families that bear the sobriquet of tigers. The child is taught to impersonate the animal by the father as soon as the former is strong enough to bear the fatigue. On going around the town and country they collect a great deal of money and are allowed to seize any articles of food that may be exposed for sale on the road side.¹⁴

Sambutan Muharam ternyata memberi peluang kepada anak-anak muda yang bermain muzik mencari rezeki. Mereka berhempas pulas menjayakan persembahan boria dengan memakai pakaian beraneka ragam, misalnya, berpakaian seperti peminta sedekah, harimau dan burung untuk menarik perhatian orang ramai. Apabila keadaan menjadi tidak terkawal, anak-anak muda ini mula mengganggu dan menyerang kumpulan yang benar-benar ingin menyambut Muharam. Pada mulanya serangan ini hanya bersifat olok-olok tetapi kemudiannya berakhir dengan kecederaan dan pertumpahan darah.¹⁵ Kekecohan, kebisingan dan gangguan ketenteraman awam semasa sambutan Muharam ini bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang malah juga di Singapura yang turut membenarkan seeahi dan banduan yang berfahaman Syiah mengambil bahagian dalam sambutan tersebut. Pada September 1856, kerajaan Singapura telah mengharamkan puak Syiah mengadakan perarakan tabut di bandar tersebut kerana ia mengancam ketenteraman dan keselamatan orang awam.¹⁶

Kebimbangan terhadap kekecohan yang bakal timbul dalam setiap permainan boria menyebabkan kerajaan Negeri-negeri Selat telah mengharamkan permainan tersebut pada tahun 1877. Malah sebelum itu pada 1856, *Police Act and Conservancy Act* diperkenalkan, yang antara lain, mensyaratkan semua persembahan pentas perlu mendapat lesen polis dan waktu persembahan juga disingkatkan. Namun syarat ini tidak benar-benar dipatuhi. Akhbar harian seperti

Pinang Gazette and Straits Chronicle (PGSC) terus menyiaran berita beberapa kejadian percaduhan yang melibatkan pasukan boria dan penahanan pemain boria yang tidak mempunyai permit.¹⁷

Meskipun ada pihak yang cuba mempertahankan persesembahan boria sebagai satu amalan berbudaya,¹⁸ namun peranannya sebagai alat untuk merekrut ahli-ahli bagi dua buah kongsi gelap Melayu yang begitu berpengaruh dalam masyarakat Melayu Pulau Pinang pada pertengahan abad ke-19, iaitu Bendera Putih dan Bendera Merah, tidak dapat dinafikan lagi.¹⁹ Malah dengan menggunakan alasan meneruskan amalan budaya, boria berjaya menyelindungkan kegiatan Bendera Putih dan Bendera Merah. Pergaduhan yang kerap kali tercetus sewaktu bermain boria sebenarnya merupakan percaduhan antara kedua-dua kongsi gelap Melayu itu. Sejak meresapnya pengaruh Bendera Putih dan Bendera Merah ke dalam pasukan boria, lagu-lagu yang dipersembahkan lebih bersifat cabar-mencabar antara satu sama lain. Kedudukan kewangan sesuatu pasukan boria juga lebih terjamin kerana mereka kini ditaja oleh kelab-kelab besar yang dinaungi Bendera Putih dan Bendera Merah.

CORAK SAMBUTAN DALAM BORIA MUHARAM

Sambutan Muharam dan persesembahan boria mempamerkan kekayaan seni budaya yang dibawa oleh masyarakat luar khususnya dari India ke dalam masyarakat Melayu. Meskipun pada tahap awal, masyarakat Melayu tulen tidak mengambil bahagian namun lama-kelamaan mereka turut terpengaruh terutamanya di kalangan orang yang bergaul rapat dengan masyarakat Jawi Peranakan. Permainan ini turut berkembang ke negeri berdekatan terutamanya di Perak.²⁰ Di Kedah pula, ekoran bantahan daripada kadi dan orang awam, terutamanya dalam tempoh yang sama kempen antiboria dijalankan di Pulau Pinang antara 1917 hingga 1924, permainan boria kurang mendapat tempat di negeri itu.

Selain boria yang dimainkan pada malam hari dari 1 hingga 10 haribulan Muharam, satu lagi jenis permainan yang dimainkan semasa sambutan Muharam ialah *kolli kallen*. Permainan ini bermaksud “pencuri ayam” dalam bahasa Tamil dan dimainkan pada siang hari dari 1 hingga 5 Muharam. Dalam permainan ini, anak-anak muda dan kanak-kanak yang mengambil bahagian akan berpakaian compang-camping seperti peminta sedekah dan menutup muka dengan sapu tangan. Mereka akan pergi dari rumah ke rumah untuk meminta wang dan hanya akan meninggalkan rumah berkenaan selepas diberi habuan oleh tuan rumah. Wang tersebut akan digunakan untuk membiayai makan minum

mereka sepanjang musim bermain boria. Di samping itu, ada pula kumpulan orang lelaki yang memilih untuk memakai pakaian wanita dan menari di sepanjang jalan. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak senang kerajaan yang akhirnya bertindak menguatkuasakan *Police Act and Conservancy Act* meskipun soal pakaian sebenarnya tidak termasuk dalam akta tersebut. Sebagai contoh, pada 24 Julai 1893 dan 10 Jun 1897, beberapa orang pemain boria telah dihadapkan ke mahkamah kerana memakai pakaian wanita di khalayak ramai tanpa permit polis.²¹

Kemuncak kepada sambutan Muharam ialah perarakan tabut yang dilangsungkan pada hari ke-10 bulan Muharam. Pada hari tersebut juga orang Melayu-Muslim sibuk membuat nazar di masjid dan keramat yang terdapat di Pulau Pinang. Perarakan tabut biasanya bermula di masjid-masjid utama di bandar Georgetown. Salah satu masjid yang kerap digunakan oleh orang India-Muslim dan Jawi Peranakan untuk mengarak tabut pada pertengahan abad ke-19 ialah Masjid Pintal Tali. Dari masjid ini tabut akan diarak oleh pengikut Syiah melalui beberapa jalan utama di kawasan bandar. Salah satu catatan menarik tentang sambutan Muharam, bernazar di keramat dan perarakan tabut telah dibuat oleh Muhammad Ibrahim Munsyi yang telah melakukan lawatan singkat ke Pulau Pinang pada 1871. Sewaktu menyaksikan sambutan Muharam di Jalan Hatin, beliau mencatat perihal orang ramai bernazar di Keramat Fakir²². Menurut beliau:

Dan pada keramat itu pun terlalu ramai dan bersesak-sesak orang melihat orang maulud cara Keling situ. Maka kami pun masuklah sekejap melihat dalam tempat keramat itu dan diberi oleh orang-orang di situ bunga melur secucuk membuat berkat, konon...semuanya berhimpun dikuburnya itu mengangkat hari matinya hingga sepuluh hari; membaca Maulud dan Hadrah dan Fatitah serta membuat berjenis-jenis permainan dan memasang api-api setulap dan gelas, terlalu banyak, dengan main bunga api dan memasang belerang. Maka di atas kuburnya itu dibubuhnya daun-daun nyiur dan bunga melur, terlalu banyak. Dan lagi diberi jamuan nasi kepada orang-orang. Adapun segala perkara itu dibuat dengan belanja giliran masing-masing. Maka pada malam kesepuluhnya pula diaraklah pula satu tabut atau kuda pusing dengan nama keramat itu. Demikianlah tiap-tiap tahun, berapa banyak belanja mereka. Adapun kebanyakan orang-orang yang membuat dan mengangkat pekerjaan itu daripada bangsa Keling, dan Melayu-Melayu pun banyak juga masuk dan yakin.²³

Kesediaan orang Melayu tulen dan bangsa-bangsa lain seperti Eropah, Portugis dan Cina menyaksikan dan mengambil bahagian dalam sambutan Muharam dan pesta bermain boria membayangkan wujudnya toleransi dalam amalan berbudaya di kalangan masyarakat majmuk di Pulau Pinang. Bagi masyarakat Eropah, mereka lebih tertarik kepada ketinggian kreativiti seni yang terdapat dalam persembahan boria. Bagi orang Cina pula, khususnya, tauke-tauke Cina yang turut menjadi penaja kepada sesuatu persembahan boria, minat ini adalah atas dasar hubungan baik dengan ketua-ketua kongsi gelap Melayu yang pernah menjadi sekutu mereka pada pertengahan abad ke-19. Orang Melayu yang kaya pula membiayai satu pasukan atau persembahan boria ada kalanya untuk menunjuk-nunjuk kekayaan mereka kepada orang ramai.

Pada dekad pertama abad ke-20, permainan boria semakin berubah dari segi pakaian dan kini dijadikan pertandingan. Ia mempunyai kumpulan tarian, pemuzik dan penyanyi atau dipanggil *sailor*. Perubahan ini berlaku kerana boria kini menjalani proses pemelayan setelah semakin ramai orang Melayu tulen menyertai persembahan tersebut. Namun begitu, pengaruh cara berpakaian boria abad ke-19 masih kelihatan, misalnya, masih ada pasukan yang memilih untuk berpakaian seperti wanita Nasrani dengan berbaju gaun, bersubang, berambut gedung dan berjalan berlenggang lengguk. Ada pula yang memilih pakaian kebaya, berkain batik dan bergelang seperti perempuan ronggeng.²⁴ Pakaian lain yang biasa dipilih oleh pasukan boria di awal abad ke-20 adalah seperti berikut:

1. Pakaian orang Inggeris
2. Pakaian Scout²⁵
3. Pakaian Melayu²⁶
4. Pakaian Cina²⁷
5. Pakaian cara Amerika (berbaju kot)
6. Pakaian cara orang Arab Badwi²⁸

Musim bermain boria akan diakhiri dengan upacara mandi karbala yang dianggap oleh pemain boria sebagai upacara mandi tolak bala. Pada hari ke-10, semua pemain boria daripada pasukan yang berlainan dan berlawanan akan pergi ke tempat yang mereka namakan Padang Karbala untuk melakukan mandi tolak bala. Padang Karbala biasanya merupakan kebun-kebun Cina atau tepi-tepi sungai.²⁹ Semasa melakukan upacara mandi Karbala, pemain-pemain boria akan memakai gelang yang diperbuat daripada benang bulu kambing dan benang perak, memakai kain berwarna kuning dan berbaju kuning. Gelang dan kain kuning ini akan dibuka dan dibuang semasa melakukan mandi Karbala. Waktu itu mereka akan mandi bersintuk limau kerana percaya air sungai itu mampu menghilangkan bala.³⁰

KESAN BORIA MUHARAM KE ATAS MASYARAKAT MELAYU

Meskipun boria popular di kalangan orang Melayu Pulau Pinang, ia turut meninggalkan kesan yang negatif ke atas masyarakat. Malah ada pihak mengaitkan isu kemunduran dan keterbelakangan orang Melayu di negeri itu pada abad ke-19 dengan permainan tersebut. Mohd. Yusoff Sultan Maidin, misalnya, melalui bukunya yang berjudul *Boria dan Benchananya* yang diterbitkan pada 1922, menyifatkan permainan tersebut bertanggungjawab menjatuhkan maruah dan kedudukan orang Melayu di mata bangsa lain dan menjadikan bangsa Melayu mundur dari segi ekonomi. Ini berikutan sikap orang Melayu yang terlalu taksub kepada permainan tersebut sehingga rela meninggalkan pekerjaan, persekolahan dan rumah tangga semata-mata untuk bermain boria di bulan Muharam. Bagi orang Melayu, nama baik mukim hanya dapat dipertahankan sekiranya dapat menubuhkan pasukan boria setiap tahun. Kegagalan mengeluarkan pasukan boria akan menyebabkan mukim mereka di pandang rendah oleh mukim yang lain.³¹ Justeru itu beberapa bulan sebelum Muharam, masa telah dihabiskan untuk merancang permainan tersebut sehingga mereka mengabaikan tugas dan tanggungjawab kepada majikan, rumah tangga dan pelajaran. Akibatnya ramai yang dibuang kerja, dihalau oleh ibu bapa dari rumah dan kanak-kanak dibuang sekolah. Boria, menurut Mohd. Yusoff, bertanggungjawab mewujudkan kumpulan penganggur selepas musim bermain boria berakhir. Anak-anak muda yang kehilangan pekerjaan dan kanak-kanak yang dibuang sekolah dan dihalau dari rumah akhirnya menghabiskan masa di simpang-simpang jalan dan sering kali berakhir sebagai samseng jalanan.³²

Permainan boria juga, menurut Mohd. Yusoff, menjadi punca kejatuhan akhlak orang Melayu dan mencemar kesucian agama Islam. Mandi Karbala, misalnya, banyak mencontohi perlakuan orang yang beragama Hindu yang melakukan mandi tolak bala di Sungai Ganga. Semasa upacara mandi Karbala, orang Melayu akan menghabiskan masa dengan minum arak, berjudi dan bergaduh sesama sendiri. Mandi Karbala dianggap upacara wajib kepada semua pemain boria. Barangsiapa yang meninggalkan upacara tersebut dianggap sebagai pasukan “boria bangsat”.³³

Sehingga berlakunya penjajahan Jepun, pengaruh boria ke atas masyarakat Melayu Pulau Pinang amatlah besar. Ia menjadikan orang Melayu terlalu taksub kepada Bendera Putih dan Bendera Merah yang menjadi kerajaan “tidak rasmi” bagi orang-orang Melayu di negeri itu sejak pertengahan abad ke-19. Penubuhan Bendera Putih dan Bendera Merah sejak 1830-an pada asalnya adalah untuk tujuan keagamaan seperti mengendalikan sambutan Muharam dan menjaga kebijakan umat Islam dalam mukim masing-masing. Peranannya tidak ubah seperti kariah kampung hari ini. Perubahan corak dan tujuan hanya berlaku

(سوزة کونیغ) یغترسدت ددالم فغذالن نسخه این

اینله سالین یع سدیکیت درقد نسخه یغد کلوار کن اوله توان
شیخ ز گریا مفتی جیه. فی. دان توان شیخ داؤد عالم دان توان شیخ
مصطفی قاضی دفولو فینع قد ۱ محرام ۱۳۳۹

دبری گتهوی کند سکلین سودارا المسلمين ددالم فولو فینع
المحترمین بهواسن بر ماين بوریا آیه حرام مک هندوله در نتیکن
دمکین جوا سکلین فکر جان یغد تکه کن الله سبحانه و تعالی استمروا
قولق ز نادان او تو سن نوصیکم و انفسنا بتقوی الله دان
دلیل فرمان الله تعالی دان فرمان الله تعالی دان

والسلام على من اتبع الهدى

(سأین) زکریا بن عمر شیر

() داؤد بن تمیم

() مصطفی بن اسماعیل

فولو فینع

فتوى این مول ۲ تله دکلوار کن اوله توان ۲ یغترسبة آیت دان
دلکت ددالم تیک مسجد ددالم بندر فولو فینع کمدین دسالین
دغون رغکسن دان چف ۵۰۰۰ کو فی اوله اهل ۲ خیره دغون کنراز
توان ۲ یغترسبة آیه جو گ دان دکلوار کن باکی فقتهوان رامی قد
۳ هاریبولن محرام ۱۳۳۹ مک مکار غ داول لغکن سکالی لاکی.

*Surat kuning, 1920
(Sumber: Mohd. Yusoff Sultan
Madin, Boria dan Benchananya,
1922).*

dalam persatuan bendera ini pada pertengahan abad ke-19 berikutan sikap sesetengah ketua dan ahlinya yang berperangai jahat yang mengheret masuk pengaruh kongsi gelap Cina ke dalam persatuan tersebut. Bendera Putih akhirnya bergabung dengan Ghee Hin pada sekitar 1865 dan Bendera Merah pula bergabung dengan Toh Peh Kong pada 1863. Oleh kerana Ghee Hin dan Toh Peh Kong adalah merupakan musuh tradisi, pergabungan ini akhirnya turut menjerumuskan persatuan Bendera Putih dan Bendera Merah ke dalam tradisi permusuhan kongsi-kongsi gelap Cina.³⁴ Kemuncak pergabungan kongsi gelap Cina dan Melayu ialah satu rusuhan besar yang tercetus pada 1867. Rusuhan ini dikatakan bermula daripada satu percaduan antara Bendera Putih dengan Bendera Merah di bandar Georgetown sempena sambutan Muharam pada tahun tersebut. Keadaan menjadi tidak terkawal apabila Ghee Hin dan Toh Peh Kong mula mengambil peluang daripada percaduan kedua-dua kumpulan bendera itu untuk meneruskan permusuhan tradisi mereka bagi menguasai gerakan bawah tanah di negeri itu.

Meskipun beberapa Ordinan yang mengawal dan mengharamkan kegiatan kongsi gelap diperkenalkan oleh kerajaan selepas peristiwa rusuhan 1867, Bendera Putih dan Bendera Merah masih dapat bergerak kerana mereka menjadikan boria sebagai saluran memperkembangkan pengaruh masing-masing. Pasukan boria dengan motif sebegini dapat dikesan terutamanya yang memakai pakaian ala Arab semasa bermain boria.³⁵ Dengan berselindung di sebalik keperluan meneruskan amalan seni dan budaya, kerajaan tidak mempunyai alasan untuk memansuhkan permainan tersebut. Melalui penyamaran ini ahli baru Bendera Putih dan Bendera Merah dapat direkrut setiap tahun sewaktu bulan Muharam.³⁶ Malah selepas peristiwa rusuhan pada 1867 itu, boria terus dimainkan di kawasan pengaruh Bendera Putih dan gabungannya, Ghee Hin dan di kawasan pengaruh Bendera Merah dan Toh Peh Kong di kawasan bandar. Semasa persembahan dibuat, pasukan boria akan mengibarkan bendera berwarna putih atau merah mengikut kumpulan bendera yang mereka wakili.

Tradisi permusuhan antara Bendera Putih dengan Bendera Merah atas persaingan untuk muncul berkuasa dan berpengaruh dalam masyarakat Melayu diteruskan di setiap mukim di kawasan bandar dan meluas ke pinggir bandar menerusi permainan boria. Sehingga 1920, terdapat antara 40 hingga 50 pasukan boria di Pulau Pinang yang masih lagi di bawah pengaruh kumpulan bendera. Antara pasukan-pasukan itu adalah seperti berikut:

Pasukan Boria Bendera Merah

1. Boria Mukim Jelutong
2. Boria Kampung Pinang
3. Boria Bagan Jermal
4. Boria Tanjong Tokong

5. Boria Jalan Hatin (dulu Hutton Lane)
6. Boria Sungai Gelugor
7. Boria Kampung Rawana
8. Boria Kelawei
9. Boria Gedung Rumput (sekarang King Street)
10. Boria Kampung Ambun (sekarang Penang Road-Northam Road/Jln Sultan Ahmad Shah)
11. Boria Ujung Pancur (sekarang Transfer Road-Northam Road)
12. Boria Argyll Road

Pasukan Boria Bendera Putih

1. Boria Titi Papan (sekarang Penang Road-Chowrasta Road)
2. Boria Padang Garam (sekarang Carnavon Street-Kimberley Street)
3. Boria Jalan Baharu
4. Boria Air Itam
5. Boria Kampung Jawa
6. Boria Kampung Dodol
7. Boria Kebun Lama
8. Boria Kampung Makam
9. Boria Kampung Kolam
10. Boria Jalan Sampah (sekarang Acheen Street)
11. Boria Lorong Takian (sekarang Ah Quee Street)
12. Boria Kampung Lada (sekarang Armenian Street)
13. Boria Pintal Tali (sekarang Rope Walk)
14. Boria Bakar Bata (sekarang Bricklin Road)³⁷

Dalam tempoh ini, lagu-lagu yang dimainkan lebih berbau cabar mencabar pasukan boria daripada mukim dan pengaruh bendera yang berlainan sebagaimana yang dapat dilihat dalam beberapa contoh pantun yang berikut:

Pasukan Boria Kampong Jawa (Bendera Putih)

Askar Takrubi kaum bebas
 Padang peperangan baharu terlepas
 Menangkap negeri terlalu pantas
 Di kampung Jawa atoran jelas

Pasukan Boria Sungai Pinang (Bendera Putih)

Ah Lok Hong Si Cina Bukit
 Keluar kerana hati banyak sakit

Bendera gaduh kita sudah angkit
Sungai Pinang mencari sabit

Pasukan Boria Tanjong Tokong (Bendera Merah)

Kita askhkar di tanah janggi
Kerja menanam gandom barley
Masok berniaga di tanah Jawi
Tanjong Tokong sedia menanti

Kelawei Road (Bendera Merah)

Badwi tua di kaki bukit
Keluar menjaga mashrik ke maghrib
Badwi Arfah empunya murid
Mukim Kelawei sedia tauhid³⁸

Lagu cabar mencabar ini akhirnya mendorong tercetusnya pergaduhan di setiap musim bermain boria. Pergaduhan ada kalanya berpunca daripada perkara yang remeh, misalnya, sesuatu kumpulan lambat menghabiskan persembahan. Tidak berpuas hati dengan keadaan ini, kumpulan yang menanti giliran mereka akan membuat bising, menyindir dan meniupkan *bugle*. Pada masa inilah pasukan yang sedang membuat persembahan akan menyanyikan pantun-pantun yang mencabar pasukan yang mengganggu mereka dan akhirnya pergaduhan tidak dapat dielakkan lagi. Sebenarnya setiap pemain boria telah pun bersedia untuk bergaduh setiap kali keluar membuat persembahan dengan memabukkan diri mereka dan membawa tongkat dan senjata di tangan. Pihak yang kalah akan menunggu musim bermain boria pada tahun berikutnya untuk membalas dendam.

KEMPEN ANTIBORIA, 1917-1924

Menyedari akibat buruk ke atas masyarakat Islam jika permainan boria diteruskan tanpa kawalan maka tempoh antara 1917 hingga 1920 menyaksikan beberapa usaha telah dibuat oleh pemimpin agama, orang perseorangan termasuk pemimpin boria sendiri untuk menghapuskan permainan tersebut. Pemimpin agama seperti Sheikh Zakaria bin Omar Basheer (mufti Pulau Pinang), Tuan Haji Daud bin Tamim dan Tuan Haji Mustapha bin Ismail (kadi), misalnya, bermuafakat mengeluarkan fatwa yang mengharamkan boria yang dipanggil “surat kuning” pada 1920. Sebanyak 500 salinan surat tersebut telah ditampal di masjid di sekitar Georgetown dan luar bandar dan juga diedarkan kepada orang ramai. Di samping itu, para ulama dan pemimpin agama yang berpengaruh

di negeri itu juga turut berkempen dari kampung ke kampung untuk menasihati orang Islam agar meninggalkan permainan tersebut. Fatwa dan usaha para pemimpin agama ini ternyata berjaya mengurangkan permainan tersebut dalam tahun 1920. Malah penduduk di beberapa buah kampung seperti Kampung Kolam dan Kampung Jawa, telah menolak permainan tersebut setelah dinasihat oleh Tuan Haji Abdul Kadir dan Tuan Haji Daud.³⁹

Selain itu, buku *Boria dan Benchananya* yang dihasilkan oleh Mohd. Yusoff Sultan Maidin, seorang Kerani Besar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, juga harus dilihat sebagai satu contoh usaha orang perseorangan memerangi permainan boria. Sebagaimana yang dicatatkan oleh Mohd. Yusoff, buku tersebut adalah hasil pengamatan beliau selama 10 tahun terhadap baik buruk permainan tersebut ke atas masyarakat Melayu di negeri itu. Dalam buku tersebut beliau menyeru orang Melayu meninggalkan permainan boria dan kegiatan Bendera Putih dan Bendera Merah yang bertanggungjawab memecahbelahkan orang Islam di negeri itu kepada hidup berpuak-puak. Malang sekali buku tersebut mendapat sambutan dingin masyarakat Melayu malah Mohd. Yusoff dicemuh dan diugut oleh pemain, peminat boria dan pengikut Bendera Putih dan Bendera Merah kerana mengkritik permainan tersebut. Cemuhan dan ugutan ini, walau bagaimanapun, tidak mematahkan semangat beliau untuk menyedarkan orang Melayu tentang keburukan bermain boria. Dalam buku keduanya, *Syair Boria*, yang diterbitkan selepas buku pertamanya itu, Mohd. Yusoff meluahkan keluh-kesahnya terhadap sambutan dingin kebanyakan pemain boria terhadap saranan-saranan dalam buku pertamanya. Antara lain beliau menulis:

Dunia ini demikianlah tuan,
Tiap-tiap pekerjaan selalu dilawan.
Pekerjaan jahat sedia bantuan,
Banyak berhimpun sekelian kawan.
Aku dinista di sini di sana,
Cerita diperbuat berbagai warna.
Dengki hasad khianat pesona,
Ditunjuk oleh jantan betina.
Disangka aku lembut semangat,
Jantan betina datang menyengat.
Ku genggam juga bara yang hangat,
Tentu padam lambat bangat.⁴⁰

Kempen antiboria juga turut disokong oleh kaum ibu bapa yang dapat melihat sendiri kesan buruk permainan itu ke atas anak-anak mereka. Pihak polis juga turut memperketatkan peraturan bermain boria, misalnya, setiap mukim

disyaratkan mendaftar nama pasukan boria dan pemain tidak dibenarkan menconteng muka dan membawa tongkat semasa bermain. Namun sumbangan besar terhadap usaha menghentikan permainan boria sebenarnya datang daripada pemimpin boria sendiri. Contoh yang paling dramatik ialah peristiwa membakar bendera berwarna putih dan bendera berwarna merah semasa musim bermain boria Muharam pada 1931 oleh Syed Degek,⁴¹ pemimpin boria Jalan Baharu, Sungai Pinang yang juga merupakan salah seorang pemimpin kongsi gelap Melayu Bendera Putih. Peristiwa membakar bendera ini diulangi oleh Syed Degek di beberapa tempat bermain boria dan beliau mengakhiri setiap tindakannya itu dengan menyeru pasukan boria yang hadir pada malam itu menyerahkan bendera pasukan masing-masing untuk dibakar sebagai tanda menamatkan permusuhan antara mereka. Tindakan ini simbolik terhadap keinsafan yang telah muncul di kalangan pemimpin-pemimpin kumpulan bendera untuk kembali ke pangkal jalan dan melupakan permusuhan sesama mereka. Seruan beliau mendapat sambutan baik pasukan boria daripada kedua-dua kongsi gelap Melayu itu, dan sejak itu, permainan boria yang berbentuk pergaduhan semakin berkurangan.

Pada 1920-an juga, dengan kemunculan orang Melayu yang berpendidikan Inggeris dan berkelulusan Timur Tengah, isu tentang pendidikan dan kemunduran orang Melayu dalam aspek ekonomi dan politik semakin mendapat tempat. Gerakan reformis Kaum Muda menerusi akhbar-akhbar mereka seperti *Idaran Zaman* (1925) dan *Saudara* (1928) paling banyak memperkatakan soal kemunduran orang Melayu. Dalam masa yang sama, abad ke-20 juga menyaksikan kemunculan pelbagai persatuan Melayu seperti *Young Muslim Union* (1911), Persatuan Melayu Pulau Pinang (1927) dan Persatuan Melayu Seberang Perai (1930) yang mula membincangkan isu “Melayu”. Kemunculan persatuan-persatuan ini sekurang-kurangnya memberi alternatif kepada orang Melayu untuk keluar daripada persatuan sulit dan menyertai persatuan yang lebih memberi faedah untuk diri dan kaum keluarga mereka. Perubahan ini dengan sendirinya memalapkan ketaksuban mereka terhadap boria dan Bendera Putih dan Bendera Merah. Kedatangan Jepun mengubah wajah permainan tersebut. Kesusahan hidup semasa dijajah Jepun menyebabkan orang Melayu melupakan tradisi bersuka ria di bulan Muharam. Permainan ini hanya dipersembahkan dengan arahan daripada pegawai Jepun sewaktu memperingati hari kebesaran negara Jepun.

PENUTUP

Boria telah melalui banyak perubahan mengikut kesesuaian persekitaran tempatan. Berbanding boria selepas merdeka, boria Muharam sebenarnya tidak mengandungi falsafah yang boleh dijadikan aspirasi masyarakat. Yang

kelihatan dalam boria Muharam, selain kreativiti seni, ialah masyarakat pengamalnya yang masih terumbang ambing mencari identiti diri dan budaya, yang akhirnya menjadikan boria sebagai alat bersaing antara mukim. Boria mewujudkan masyarakat Melayu yang berpecah-belah sama ada menyokong Bendera Putih atau Bendera Merah, dua buah kongsi gelap yang menguasai senario politik orang Melayu Pulau Pinang sebelum kehadiran persatuan dan parti politik yang sah selepas dekad pertama abad ke-20.

RUJUKAN

- CO 273/518. The Malayan Bulletin of Police Intelligence, 25 November 1922.
- Blythe, W. 1969. *The Impact of the Chinese Secret Societies in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Hamilton, A. W. 1920. "Boria", *JSBRAS*, Jil. 82.
- Houghton, G. T. 1897. "Boriah", *JSBRAS*, Jil. 30.
- Ja'far Sharif and G. A. Herklots. 1975. *Islam in India or the Qanun-I-Islam: The Customs of the Musalmans of India Comprising a Full And Exact Account of Their Various Rites and Ceremonies from the Moments of Birth to the Hour of Death*, London: Curzon Press.
- Mahani Musa. 1999. "Malays and the Red and White Flag Societies in Penang, 1830s-1920s, *JMBRAS*, Jil. 72, Bhg. 2.
- _____. 2000. "Masyarakat Melayu-Muslim Pulau Pinang, 1830-an - 1930-an: Masalah Kepimpinan dan Pengaruh Kongsi Gelap". Dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mahd. Ishak Abdul Razak. 1979. *Sejarah Boria*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Margaret J. Kartomi. 1986. "Tabut - A Shi'a Ritual Transplanted from India to Sumatra". Didalam David P. Chandler and Merle C. Ricklefs (peny.), *Nineteenth and Twentieth Century Indonesia: Essays in Honour of Profesor J. D. Legge*. Australia: Centre of Southeast Asian Studies, Monash University.
- Mohd. Yusoff Sultan Maidin. 1922. *Boria dan Benchananya*. Pulau Pinang: Mercantile Press.

Muhammad Ibrahim Munsyi. 1980. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* (dengan pengenalan dan anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pinang Gazette and Straits Chronicle (PGSC), 1838-1906.

Rahmah Bujang. 1987. *Boria: A Form of Malay Theatre*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Vaughan, J. D. 1854. "Notes on the Chinese of Pinang, *JIAEA*, Jil. 8.

_____ 1857. "Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley", *JIAEA*, Jil. 2.

Zainol Jusoh. 1982. "Pulau Pinang dan Seberang Perai 1890-1940: Satu Kajian Mengenai Penglibatan Orang-Orang Melayu dalam Pakatan Sulit Bendera Putih dan Bendera Merah", Latihan Ilmiah, Universiti Sains Malaysia.

NOTA

¹ Kajian yang ekstensif oleh Rahmah Bujang dalam bukunya yang bertajuk *Boria: A Form of Malay Theatre* yang diterbitkan oleh Institute of Southeast Asian Studies, Singapura pada 1987 hanya menyentuh secara ringkas tentang sumber tulisan awal tentang boria. Aspek boria Muharam tidak dibincangkan. Walau bagaimanapun, dalam satu seminar yang diadakan di Universiti Sains Malaysia pada 1983, Rahmah memberi tumpuan kepada aspek ini. Lihat kertas kerja beliau berjudul "Boria dari Kacamata Budayawan" yang dibentangkan dalam Seminar Boria di Universiti Sains Malaysia, 11-13 November 1983. Seminar ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Kesenian dan Permainan Rakyat, Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri, dan Gabungan Boria Pulau Pinang dan Seberang Perai.

² Margaret J. Kartomi. 1986. "Tabut - A Shi'a Ritual Transplanted from India to Sumatra". Di dalam David P. Chandler and Merle C. Ricklefs (peny.), *Nineteenth and Twentieth Century Indonesia: Essays in Honour of Professor J. D. Legge*, Centre of Southeast Asian Studies, Monash University, hlm. 144.

³ Ibid.

⁴ Ja'far Sharif and G. A. Herklots. 1975. *Islam in India or the Qanun-I-Islam: The*

Customs of the Musalmans of India Comprising a Full and Exact Account of Their Various Rites and Ceremonies from the Moments of Birth to the Hour of Death (London: Curzon Press), bab 14.

⁵ Ibid., hlm. 8-9.

⁶ Ibid., hlm. 166-167. Rusuhan seumpama itu pernah berlaku di Madras pada 1821 sementara rusuhan di Bombay yang meletus pada 1837 pula adalah antara puak Sunni dan Syiah.

⁷ G. T. Houghton. 1897. "Boriah", *JSBRAS*, 30: 312-13.

⁸ Ibid.

⁹ Rahmah Bujang, *Boria: A Form of Malay Theatre*, hlm. 4.

¹⁰ Lihat S.P. 63/5 *Surat Persendirian Haji Fathil Basheer*, Arkib Negara Malaysia, tanpa tarikh, ruangan Postbag bertajuk "The Origin of Boria". Surat ini dihantar oleh seorang rakan Haji Fathil yang bernama Hussein. Hussein mendapat maklumat tentang permainan boria ini daripada bapanya. Lihat juga Mahd. Ishak (1979). "Sejarah Boria", Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, hlm. 8.

¹¹ S.P. 63/5 *Surat Persendirian Haji Fathil Basheer*.

¹² W. Blythe. 1969. *The Impact of the Chinese Secret Societies in Malaya*. (London: Oxford University Press), 130.

¹³ C. M. Turnbull. 1972. *The Straits Settlements 1826-67: Indian Presidency to Crown Colony* (London: Athlone Press), 104.

¹⁴ J. D. Vaughan. 1854. "Notes on the Chinese of Pinang", *JIAEA*, 8(14): 13-14.

¹⁵ J. D. Vaughan. 1857. "Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley", *JIAEA*, 2:139.

¹⁶ *Singapore Free Press*, 18 September 1856.

¹⁷ PGSC, 25 Mei 1899 melaporkan sekumpulan pemain boria yang membuat persembahan di Jalan Dato Keramat dan Jalan Larut ditahan kerana tidak mempunyai permit polis. Akhbar yang sama bertarikh 28 Mac 1906 melaporkan seorang wanita yang bernama Siti telah didenda sebanyak \$25.00 kerana membentarkan perkarangan

rumahnya dijadikan tempat bermain boria tanpa mendapat permit daripada polis. *PGSC*, 7 Mac 1906, ruangan “Correspondence” menyiaran berita pergaduhan pasukan boria di Jalan Dato’ Keramat. Pergaduhan tercetus apabila satu pasukan boria daripada kumpulan yang berlawanan telah melempar batu ke arah satu pasukan lain yang sedang membuat persempahan.

¹⁸ Lihat, *PGSC*, 7 Mac 1906. Dalam surat kepada pengarang akhbar tersebut, seorang pembaca yang menamakan dirinya “seorang Melayu” menganggap percubaan untuk menghapuskan boria adalah tidak adil dan akan melukakan hati orang Melayu kerana permainan itu merupakan sebahagian daripada seni budaya yang telah lama diamalkan oleh orang Melayu di negeri itu.

¹⁹ Untuk maklumat lanjut tentang kemunculan dan corak kegiatan kongsi gelap Melayu Bendera Putih dan Bendera Merah di Pulau Pinang, lihat, Mahani Musa 1999. “Malays and the Red and White Flag Societies in Penang, 1830s-1920s”, *JMBRAS*, 72 (2): 151-182.

²⁰ “The Boria in Perak”, *The Malayan Police Magazine*, 8 (1): 26-27, 1935.

²¹ *PGSC*, 24 Julai 1893 dan 10 Jun 1897.

²² Menurut catatan Muhammad Ibrahim Munsyi, keramat Fakir asalnya seorang keturunan Syed peranakan Malabari yang telah dihukum buang negeri ke Pulau Pinang kerana kesalahan menanam orang yang mati dibunuh yang beliau jumpai di dalam parit. Setelah menjadi banduan selama tujuh tahun beliau dibebaskan dan menetap di Pulau Pinang. Orang tua ini kelihatan seperti fakir miskin, meminta sedekah setiap hari dan kesemua perolehan itu dihabiskan dengan membuat bubur setiap hari untuk diberi makan kepada kanak-kanak. Apabila meninggal dunia, ramai mendakwa mendengar ratib di kuburnya. Kuburnya juga dikatakan berjarak sendiri dan nisan kuburnya lebih panjang berbanding masa dikebumikan dahulu. Keanehan ini menyebabkan kubur beliau dianggap “keramat”. Muhammad Ibrahim Munsyi (1980), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*. (dengan pengenalan dan anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 111.

²³ Ibid., hlm. 110-112.

²⁴ Lihat Mohd. Yusoff Sultan Maidin 1922. *Boria dan Benchananya* (Pulau Pinang: Mercantile Press), 14. Pasukan ini digelar “pasukan bujang” yang sebenarnya Mohd. Yusoff maksudkan perempuan sundal.

²⁵ Apabila memilih pakaian orang Inggeris dan Scout, sebutan sewaktu menyanyi akan dipelatkan mengikut cara sebutan orang putih bertutur dalam bahasa Melayu.

²⁶ Contoh pakaian Melayu yang biasa dipakai oleh pasukan boria ialah berseluar panjang dan bertengkolok.

²⁷ Pakaian Cina adakalanya dibuat sendiri dan ada yang dipinjam daripada panggung wayang Cina.

²⁸ Biasanya tidak berkasut dan ada kalanya memakai baju compang-camping dan koyak rabak, serta membawa tongkat besar. Semasa membuat persembahan, tongkat akan dilambung dan digoyang-goyangkan.

²⁹ Mohd. Yusoff Sultan Maidin, *Boria dan Benchananya*, hlm. 24.

³⁰ Ibid., hlm. 25.

³¹ Ibid., hlm. 7.

³² Ibid., hlm. 35.

³³ Ibid., hlm. 24.

³⁴ Lihat, Mahani Musa, "Malays and the Red and White Flag Societies in Penang", hlm. 151-182. Lihat juga, Mahani Musa 2000. "Masyarakat Melayu-Muslim Pulau Pinang, 1830-an - 1930-an: Masalah Kepimpinan dan Pengaruh Kongsi Gelap", Di dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia), 61-87.

³⁵ Keterangan Sheikh Ali bin Sheikh Ahmad dan Abu Bakar bin Nyak Bin. Kedua-dua mereka merupakan tukang karang boria yang terkenal di Georgetown pada 1920-an. Dipetik daripada Zainol Jusoh (1982). "Pulau Pinang dan Seberang Perai 1890-1940: Satu Kajian Mengenai Penglibatan Orang-Orang Melayu dalam Pakatan Sulit Bendera Putih dan Bendera Merah", Latihan Ilmiah, Universiti Sains Malaysia, hlm. 145-146.

³⁶ "The Boria in Perak", *The Malayan Police Magazine*, 8 (1): 26-27, 1935.

³⁷ Senarai ini dipadankan daripada tulisan Mahd. Ishak Abdul Aziz (1979). "Sejarah Boria", Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, dengan sedikit perubahan. Dalam lampiran A, Mahd. Ishak meletakkan pasukan boria Jalan Baharu, Sungai Pinang di bawah pengaruh Bendera Merah sementara pasukan boria Tanjung Tokong diletakkan di bawah pengaruh Bendera Putih. Walau bagaimanapun, setelah penulis membuat penyelidikan dan menemu ramah beberapa pemain boria yang aktif sejak 1940-an, didapati pasukan boria Jalan Baharu, Sungai Pinang sebenarnya merupakan pengikut Bendera Putih sementara pasukan boria Tanjung Tokong merupakan

pengikut Bendera Merah. Pendapat ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Zainol Jusoh. Lihat, Zainol Jusoh, “Pulau Pinang dan Seberang Perai, 1890-1940”, hlm. 148.

³⁸ A. W. Hamilton. 1920. “Boria”, *JSBRAS*, September, 82:142.

³⁹ Zainol Jusoh, “Pulau Pinang dan Seberang Perai 1890-1940”, hlm. 177.

⁴⁰ Lihat, Mohd. Yusoff Sultan Maidin 1922, *Syair Boria (Hal ehwal yang berlaku di dalam bulan Muharam 1341 di Pulau Pinang)*, Pulau Pinang: Mercantile Press, hlm. 10. Dipetik daripada Zainol bin Jusoh, “Pulau Pinang dan Seberang Perai 1890-1940”, hlm. 103.

⁴¹ Nama sebenar Syed Degek ialah Syed Mohammad Al-Attas.



*Pasukan Boria
Bertopeng Burung
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)*

*Pasukan
Boria
Berpakaian
Askar
(Sumber:
Arkib
Negara
Malaysia)*

